

PERKEMBANGAN BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA KEBANGSAAN DALAM PROSES PEMBINAAN NEGARA-BANGSA DI MALAYSIA

*Wan Norhasniah Haji Wan Husin
(Malaysia)*

ABSTRAK

Sebelum bermulanya proses pembinaan negara-bangsa di Tanah Melayu, sejarah telah menunjukkan bahawa komuniti Melayu merupakan penduduk asal di wilayah ini yang kini dikenali sebagai Malaysia¹. Menerusi kedudukan berkenaan dan populasinya yang mencapai ke tahap majoriti, pengiktirafan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan adalah wajar kerana, perkara yang sama juga dilaksanakan di Amerika Syarikat, yang mengangkat bahasa Inggeris sebagai bahasa perhubungan utama dengan merujuk kepada kedudukan komuniti Anglo-Saxon sebagai peneroka pertama yang berkesan (first effective settlement)². Walau bagaimanapun matlamat untuk mengukuhkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan ataupun sebagai bahasa pengantar dalam sistem pendidikan sering berhadapan dengan cabaran, sama ada penentangan dari komuniti bukan Melayu, terutamanya etnik Cina ataupun pendorinasian bahasa Inggeris di peringkat global. Untuk mengenal pasti mengapa kedudukan bahasa Melayu mesti dikukuhkan sebagai bahasa kebangsaan dan sejauh mana cabaran berkenaan telah menggugat kedudukan bahasa berkenaan, penulisan ini akan mengengahkan isu-isu tersebut.

Bahasa Melayu Sebagai Teras Identiti Komuniti Melayu Selaku Penduduk Asal dan Kesan Penjajahan

Bahasa merupakan simbol utama yang menonjolkan identiti sesebuah komuniti etnik. Ia bukan setakat alat komunikasi bagi memudahkan perhubungan di peringkat intra-etnik, tetapi berkecenderungan memaparkan nilai dalaman diri sesebuah komuniti etnik³. Menerusi pertautan di antara bahasa, budaya dengan akal, bahasa dapat menonjolkan sebahagian diri yang bersifat batin menerusi luahan perasaan dan idea yang dilontarkan⁴,

Bahasa Jiwa Bangsa

Bahasa Menunjukkan Bangsa

Menurut Sapir, bahasa adalah satu unsur dari kebudayaan yang merupakan leburan yang terbentuk hasil daripada interaksi manusia dengan persekitaran dan warisan yang dipunyai sehingga menjelmakan bentuk budaya sesebuah bangsa⁵. Cerminan jiwa

sesebuah bangsa akan terungkap menerusi peranan bahasa yang merungkaikan unsur-unsur tertentu seperti agama, adat resam, hubungan sesama manusia dan hubungan dengan pencipta melalui bahasa kiasan iaitu peribahasa, perbilangan kata, simpulan bahasa dan juga pantun⁶. Bagi komuniti Melayu, menerusi batin, bahasa telah menyemai nilai kemelayuan dalam roh manusia Melayu. Dalam erti kata lain, melalui bahasa masyarakat luar boleh mengenali jiwa, watak, pemikiran, tahap kemajuan dan falsafah bangsa Melayu⁷.

Bahasa induk nenek moyang rumpun Melayu di Yunan dikenali sebagai bahasa Austris yang terbahagi kepada beberapa cabang bahasa iaitu bahasa Austro-Asia, bahasa Tibeto-Cina dan Bahasa Austronesia⁸. Daripada bahasa induk inilah ia menjadi bahasa pertuturan masyarakat dalam rumpun Melayu yang dikenali sebagai bahasa Melayu-Polinesia. Pengaruh Hindu juga wujud di dalam acuan bahasa Melayu dan ini boleh dilihat apabila bahasa asalnya yang muncul daripada bahasa *Kawi*, iaitu bahasa Jawa kuno yang banyak terpengaruh dengan penggunaan kata-kata daripada bahasa Sanskrit⁹. Perkongsian daripada asal-usul yang sama telah menjadikan penduduk di rantau Alam Melayu berkongsi bahasa induk yang serupa dan melahirkan bahasa Melayu, bahasa Indonesia, bahasa Jawa dan bahasa Tagalog¹⁰. Misalnya, istilah tuhan dalam bahasa Tagalog disebut sebagai "Bathala" yang terbit daripada istilah bahasa Sanskrit iaitu "Bathara". Perkataan "Batara" kemudian tercetus dalam pemikiran masyarakat Melayu yang merujuk kuasa yang suci¹¹. Persamaan yang wujud daripada aspek bahasa di antara penduduk di Alam Melayu telah menjadi faktor penyatupaduan¹².

Perkongsian bahasa telah memberi kesan yang mendalam di dalam jiwa masyarakat Alam Melayu sehingga mampu memupuk semangat serumpun walaupun berlainan etnik dan agama. Rasa seputera semakin terpatut kukuh apabila berhadapan dengan masalah yang serupa dan ancaman dari golongan penjajah yang tidak mempunyai satu titik perkongsian. Bertitik tolak dari sini, perjuangan Jose Rizal untuk membebaskan Filipina dari kuasa Barat dilihat oleh para pejuang nasionalis Melayu di Tanah Melayu seperti Ibrahim

Haji Yaakob, Dr. Burhanuddin al-Helmy dan Mustapha Hussein sebagai patriot dan tokoh kebangsaan bangsa Melayu¹³. Bagi Rizal, pengertian Melayu bukan sahaja dikaitkan dari aspek budaya yang merujuk kepada bangsa besar yang bersifat serumpun, tetapi juga menekankan aspek politik yang mengengahkan pembebasan bangsa rumpun Melayu dari penjajahan Eropah Barat yang bermula di Filipina dan seterusnya berkembang ke seluruh penduduk di Borneo, Indonesia dan Tanah Melayu (kini Malaysia). Oleh itu, pada ketika ini semangat perjuangan para nasionalis Melayu untuk memerdekakan tanah air menerusi kerjasama dengan Indonesia (gagasan Melayu Raya), secara tidak langsung telah dipengaruhi dengan idea pemikiran Rizal¹⁴.

Keunggulan bahasa Melayu sebagai bahasa perhubungan bukan sahaja di rantau Alam Melayu tetapi juga di Tanah Melayu telah mengukuhkan kedudukan komuniti Melayu sebagai penduduk asal. Mereka juga merupakan peneroka awal yang berkesan dan bertanggungjawab memperadabkan wilayah ini sama ada dari aspek agama, bahasa, budaya ekonomi, politik dan pertahanan sehingga mencapai tahap kegemilangan seperti di zaman kerajaan Melayu-Hindu Srivijaya dan kerajaan kesultanan Melayu-Islam Melaka. Walau bagaimanapun kedudukan bahasa Melayu dan nilai kemelayuan-Islam mulai tergugat dengan kemunculan pihak British. Menerusi matlamat untuk mendapatkan sumber asli bagi meningkatkan perindustrian di Eropah, pengambilan tenaga buruh dari wilayah luar terutamanya Selatan China dan Selatan India telah dipertingkatkan menerusi sistem *Kangchu*¹⁵ dan sistem *Kangany*¹⁶. Kesannya, populasi masyarakat di Tanah Melayu telah mengalami perubahan iaitu dari masyarakat serumpun yang berkongsi satu peradaban kepada sebuah masyarakat majmuk (*plural society*)¹⁷ yang terdiri daripada etnik Cina dan etnik India. Sehingga awal abad ke-20, jumlah etnik Melayu yang seramai 196 2021 telah menjadi minoriti berbanding dengan populasi etnik pendatang dengan jumlah etnik Cina seramai 1 709 392 dan etnik India yang berjumlah 624 009¹⁸. Begitu juga di Negeri-negeri Selat, iaitu di Singapura dan Pulau Pinang populasi etnik Cina pendatang yang lebih ramai

berbanding dengan etnik Melayu, menjadikan kedua-dua negeri berkenaan seolah-olah bandar Cina. Manakala pemugaran bahasa, pendidikan, budaya dan adat resam Cina telah menghakiskan jati diri bahasa Melayu dan nilai kemelayuan-Islam yang telah lama bertapak di wilayah berkenaan¹⁹.

Tekanan terhadap kedudukan bahasa Melayu semakin meningkat setelah British menekankan polisi yang tidak bersifat nasional dalam pentadbirannya. Tujuan utama ialah untuk memudahkan pihak British mengaut sumber asli dan melicinkan pentadbirannya tanpa mewujudkan ketegangan hubungan etnik. Ini diperkuatkan lagi dengan dasar “pecah dan perintah” (*divide and rule*) yang mengasingkan etnik Melayu, etnik Cina dan etnik India dalam bidang pendidikan, penempatan dan pekerjaan²⁰. Oleh itu, seluruh komuniti etnik telah diberi peluang untuk mengekalkan bahasa, budaya, adat resam masing-masing, dan menerusi prinsip yang bersifat *laissez faire* dalam bidang pendidikan²¹, penerapan bahasa dan silibus pendidikan mengikut garisan etnik tidak dibantah. Walaupun British dilihat sebagai pencetus pemisahan di antara komuniti etnik, namun ikatan kesukubangsaan (*ethnicity*) yang diwarisi mendorong mereka untuk berada di dalam lingkungan komuniti masing-masing hasil daripada perkongsian agama, bahasa, keluarga, kebudayaan, tradisi, sejarah dan keturunan yang sama²².

Secara umumnya, kesan daripada penguasaan British di Tanah Melayu selama 130 tahun (1824-1942 dan 1945-1957) bukan sahaja membabitkan perubahan komposisi etnik, tetapi juga telah menggugat kedudukan komuniti Melayu selaku penduduk asal dan mengancam kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan yang berterusan sehingga kini. Cabaran ini muncul sama ada berpunca dari sikap komuniti bukan Melayu yang lebih berusaha untuk mengekalkan keunggulan bahasa masing-masing menerusi bentuk sistem pendidikan vernakular yang sudah pun bertapak semenjak dari zaman British²³, ataupun sikap sebahagian kelompok Melayu yang mementingkan bahasa Inggeris kerana kedudukannya sebagai bahasa global²⁴.

Cabaran Pengukuhan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan dalam Proses Pembinaan Negara-Bangsa

Perjuangan Komuniti Bukan Melayu

Selepas Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, komposisi masyarakat telah berubah dari bersifat serumpun kepada sebuah masyarakat majmuk. Ia mencakupi tiga komuniti etnik utama yang berbeza peradaban dan budaya iaitu etnik Melayu selaku penduduk asal yang merangkap komuniti majoriti, dan etnik Cina sebagai komuniti kedua terbesar serta diikuti oleh etnik India yang mana kedua-duanya adalah pendatang.

Cabaran utama untuk mengukuhkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan ialah perjuangan komuniti bukan Melayu, terutamanya etnik Cina untuk menegakkan bahasa, pendidikan dan budaya mereka. Walaupun halangan ini kurang diperbincangkan dan lebih tertumpu kepada usaha pihak kerajaan untuk memantapkan bahasa Inggeris, namun cabaran dari komuniti bukan Melayu akan terungkap sekiranya kerajaan menekankan Dasar Bahasa dan Dasar Pendidikan yang bersifat kebangsaan. Penolakan ini telah pun bermula sejak tahun 1950-an dan berterusan sehingga kini²⁵.

Bagi etnik Cina, isu bahasa adalah perkara utama untuk dilindungi kerana ia mewarisi tradisi linguistik dari Tanah Besar China yang menggambarkan satu tradisi agung hasil dari kesinambungan sejarah kira-kira 5000 tahun yang lampau. Pengukuhan bahasa Cina ataupun bahasa Mandarin dilaksanakan menerusi sistem pendidikan vernakular Cina yang dipersepsikan oleh etnik Cina sebagai kubu pertahanan bahasa, budaya dan identiti mereka²⁶. Dengan pemerolehan hak kerakyatan di Persekutuan Tanah Melayu, kumpulan pendidik Cina iaitu *Dongjiaozong*²⁷ berusaha untuk memperkasakan bahasa Cina menerusi penubuhan sekolah vernakular Cina. Perjuangan ini terungkap menerusi sokongan terhadap prinsip persamaan untuk seluruh warganegara tanpa mengira kedudukan mereka sama ada

sebagai penduduk asal ataupun pendatang. Dari sini, konsep kepelbagaian bahasa dan budaya telah dipertahankan dengan tujuan untuk mendokong dan mengekalkan bahasa dan budaya Cina. Malah mereka menganggap usaha kerajaan untuk mewujudkan sistem pendidikan yang seragam dengan mengangkat penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dianggap bermatlamatkan perjuangan Melayu yang akan mengancam kedudukan bahasa dan budaya Cina²⁸.

Penentangan ini terserlah sewaktu Laporan Barnes yang dikemukakan sekitar tahun 1950 menggariskan pemansuhan sistem pendidikan vernakular untuk digantikan dengan sistem pendidikan kebangsaan menerusi pengiktirafan bahasa Inggeris dan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Sebagai reaksi balas *Dongzong* (1951) dan *Jiazhong* (1954) telah ditubuhkan dengan tujuan melindungi kedudukan bahasa dan pendidikan Cina. Antara tindakannya, menghantar memorandum kepada British dan Presiden Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dengan matlamat agar memberi perhatian terhadap Dasar Bahasa dan Pendidikan di Tanah Melayu yang dilihat kurang berjaya menerapkan nilai keadilan. Malah pengerusi *Jiazhong*, Lim Lian Geok mengkritik keras Laporan Barnes dan Laporan Razak (1956) kerana dilihat cuba mendiskriminasikan kedudukan bahasa Cina di Tanah Melayu dan memberi persetujuan dengan Laporan Fenn-Wu (1951) yang lebih melindungi hak komuniti bukan Melayu²⁹.

“Laporan Barness mengumumkan penghapusan pendidikan Cina, Ordinan Pelajaran 1952 menjatuhkan hukuman mati kepadanya, dan Kertas Putih Pelajaran 1954 pula menggali kubur untuknya...”³⁰

Perjuangan untuk melindungi bahasa Cina diteruskan oleh *Dongjiaozong* semenjak diawal kemerdekaan dan berterusan sehingga kini. Ada yang berpendapat etnik Cina bertindak sedemikian adalah hasil daripada tindakan kerajaan melindungi hak dan kepentingan komuniti Melayu³¹. Antara usaha mereka ialah mempertahankan sistem pendidikan vernakular Cina dalam sistem pendidikan kebangsaan. Tindakan ini kerana

kerajaan dilihat terlebih dahulu menggubal Laporan Rahman Talib dan Akta Pelajaran 1961. Mereka juga berusaha untuk mengangkat bahasa Mandarin sebagai bahasa rasmi negara setelah kerajaan berusaha memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan menerusi penggubalan Akta Bahasa Kebangsaan pada tahun 1967. Seterusnya *Dongjiaozong* juga berusaha untuk menubuhkan universiti beraliran Cina yang dikenali sebagai Universiti Merdeka bagi menjamin pengekalan bahasa dan budaya Cina. Manakala sebagai jaminan agar bahasa Mandarin terus memugar, isu penyelarasan bahasa pengantar di kalangan Sekolah Persendirian Cina (*Duzhong*) telah diperkemaskan sebagai jaminan agar identiti etnik Cina tidak tergunat³² walaupun kerajaan menekankan pembentukan bangsa Malaysia yang berpaksikan identiti negara Malaysia dan bukan mengikut garisan etnik tertentu.

Semangat untuk memartabatkan Bahasa Cina menerusi sekolah Persendirian kembali meningkat menjelang tahun 1970-an semenjak ia dipinggirkan sekitar 1960-an. Di sini *Dongjiaozong* berperanan memugarkan kesedaran etnik Cina dengan membangkitkan isu-isu tertentu seperti Fasal 21 (2) Akta Pelajaran 1961³³, isu “Membaca, Menulis dan Mengira” (3M), dan memulihkan kembali penubuhan Universiti Merdeka yang gagal untuk direalisasikan pada tahun 1960-an. Segala usaha *Dongjiaozong* ini bukan sahaja mendapat sokongan penuh daripada etnik Cina, malah ia juga menjadi isu penting bagi parti-parti politik yang bergantung kepada sokongan etnik Cina. Oleh itu, parti politik seperti *Malaysian Chinese Association* (MCA) dan *Democratic Action Party* (DAP) tidak boleh mengabaikan kepentingan bahasa Cina yang diperjuangkan oleh *Dongjiaozong*³⁴. Misalnya, MCA di bawah pimpinan Tan Cheng Lock telah menyokong perjuangan *Dongjiaozong* dan ini terungkap melalui kata-katanya sewaktu menghadiri Kongres anjuran *Jiazhong*,

“People do not become more civilized by losing contact with their own roots. A man’s native speech is like his shadow, inseparable from his personality ... culturally they must be independent and must maintain a very strong intellectual and spiritual life of their own ... At this critical juncture in the history of the growth and development of Chinese education and culture in Malaya ... Its cause has the full support of The Malayan Chinese Association (MCA)”³⁵

Kepentingan ini secara tidak langsung menyebabkan isu bahasa telah dipolitikkan untuk meraih undi etnik Cina bagi mendapat kemenangan parti politik tertentu³⁶. Justeru, mana-mana parti politik Cina yang mempunyai kerjasama sama ada dengan kerajaan ataupun pembangkang, usaha untuk memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan agak tergugat disebabkan kepentingan kerjasama politik. Malah *Dongjiaozong* juga telah menaja kemasukan beberapa orang pendidik Cina ke dalam parti Gerakan Rakyat Malaysia (Gerakan) iaitu sebuah parti politik komponen Barisan Nasional bagi memenuhi matlamat perlindungan bahasa dan pendidikan Cina. Kesannya, setiap kali menjelang pilihanraya isu bahasa dan pendidikan Cina seringkali dijadikan isu politik oleh etnik Cina dan ia juga menjadi perkara penting bagi parti politik Melayu terutamanya ketika melindungi hak kepentingan komunitinya³⁷.

Perjuangan *Dongjiaozong* untuk mengekalkan bahasa Cina menerusi sekolah vernakular Cina secara tidak langsung telah menghalang usaha kerajaan untuk memartabatkan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan sebagaimana yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan fasal 152 (1). Perkara ini telah pun terungkap dalam tempoh ke arah kemerdekaan apabila pemimpin-pemimpin *Jiazong* menentang peranan bahasa Melayu sebagai wadah perpaduan sebagaimana yang diperakukan dalam Laporan Razak³⁸. Dalam hal ini, ada pengkaji berpendapat dasar bahasa dan pendidikan yang dibentuk atas pertimbangan politik permuafakatan mungkin tidak berkekalan. Justeru, bagi mengukuhkan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa pengantar dalam sistem pendidikan, kerajaan perlu bertegas dalam mempertahankan kedudukan dan martabat bahasa Melayu di negara ini. Misalnya dalam tempoh ke arah kemerdekaan, perkara-perkara yang termaktub di dalam Ordinan Pelajaran 1952 lebih tegas berbanding dengan Laporan Razak iaitu dalam soal mengiktirafkan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa pengantar³⁹.

Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Perhubungan Antarabangsa

Kedudukan bahasa Inggeris sebagai wadah perhubungan antarabangsa dan pendorongannya dalam bidang sains dan teknologi adalah tinggi. Bagi negara-negara dunia ketiga, terutamanya negara baru yang pernah berada di bawah kuasa penjajahan Barat dan negara berkenaan pula telah berubah komposisi etnik dari masyarakat serumpun dan berkongsi satu peradaban kepada sebuah masyarakat majmuk, penggunaan bahasa Inggeris lebih diberi penekanan seperti di India dan Afrika Selatan. Walau bagaimanapun penggunaan bahasa Inggeris bukan memberi jaminan kepada peningkatan ekonomi sesebuah negara. Kebanyakan negara yang menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa rasmi seperti Jepun, Perancis, Jerman, Korea dan Israel didapati pencapaian ekonominya lebih meningkat berbanding dengan negara Kenya, Filipina, Afrika Selatan dan India yang menggunakan bahasa Inggeris⁴⁰.

Bagi pelopor teori integrasi seperti Karl Deutsch, proses pembinaan negara-bangsa adalah kaedah penting untuk memupuk perpaduan kebangsaan dan integrasi diperlukan untuk menjamin kestabilan dan pembangunan sesebuah negara⁴¹. Bagi negara-bangsa baru yang bermasyarakat majmuk seperti Malaysia, kebanyakan para nasionalis menekankan budaya sama (*common culture*) untuk memupuk identiti kebangsaan (*national identity*) di antara anggota masyarakat. Salah satu kaedah pelaksanaannya adalah menerusi polisi bahasa dan pendidikan. Bagi komuniti Melayu, kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara bukan disebabkan rasa fanatik ataupun emosi tetapi berdasarkan kepada realiti dan sejarah sosio-politik yang memartabatkan penggunaannya semenjak abad ke-13. Bahasa Melayu merupakan bahasa utama yang digunakan dalam pentadbiran, perundangan, penulisan, persuratan dan perkembangan agama Islam oleh Kerajaan Melayu-Islam. Bahasa Melayu juga telah digunakan selama beratus tahun sebagai bahasa perhubungan dalam bidang perdagangan dan perkembangan sosial di antara wilayah-wilayah yang muncul di kawasan Kepulauan Melayu dan Indonesia⁴². Atas

kesedaran ini dalam tempoh ke arah kemerdekaan pengukuhan bahasa Melayu sebagai bahasa Kebangsaan di Malaysia telah dilaksanakan sama ada oleh para pemimpin *United Malays National Organization* (UMNO) secara sederhana, ataupun diluahkan secara ketegasan oleh parti berhaluan kiri seperti Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM), Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA) dan Parti Islam Se-Malaysia (PAS)⁴³.

Bagi golongan nasionalis berhaluan kiri, mereka bukan sahaja menolak bahasa Cina tetapi juga mahukan bahasa Inggeris tidak berada pada status yang sama dengan bahasa Melayu, dan penolakan ini bukanlah kerana sentimen anti-British, tetapi lebih kepada usaha untuk memugarkan semula tradisi budaya tempatan⁴⁴. Tindakan ini tidak bermakna hak bahasa etnik bukan Melayu diabaikan, kerana sesetengah pemimpin Melayu tetap bertoleransi untuk membenarkan pengekalan nilai bahasa masing-masing, seperti tindakan Syed Nasir menyeru ke arah perkembangan bahasa Cina dan Tamil dan menolak penyekatannya⁴⁵, selagi mana ia tidak menggugat ketuanan bahasa Melayu. Selaku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, beliau juga telah meningkatkan keahlian Dewan Bahasa dan Pustaka, mencetak buku teks sekolah menengah, memelayukan penulisan artikelnya dalam bahasa Inggeris, menginstitusikan kursus dalam Bahasa Kebangsaan dan mengusahakan kajian mengenai warisan budaya Melayu dan menyeru etnik Melayu ke arah memartabatkan bahasa mereka⁴⁶. Saranan ini sebagai satu seruan kepada seluruh warganegara, untuk menerima bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi di Malaysia dan apabila etnik Cina dan bukan Melayu bersedia menghormati penggunaan bahasa berkenaan, ini bermakna kesetiaan mereka terhadap negara ini semakin terbukti⁴⁷.

Meskipun bahasa Inggeris dilihat oleh sesetengah pihak sebagai penghalang utama ke arah pengukuhan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan ini diperkuatkan lagi dengan usaha kerajaan untuk menggalakkan penggunaannya dalam bidang sains dan matematik, namun ia bukanlah faktor utama penghalang pengukuhan kedudukan bahasa Melayu. Ini kerana galakan kerajaan untuk menggunakan bahasa

Inggeris bukan bererti kerajaan mengabaikan ataupun menghina kedudukan bahasa Melayu tetapi ia bertujuan untuk memudahkan pencapaian komuniti Melayu dalam bidang berkenaan menerusi penguasaan bahasa Inggeris⁴⁸. Dalam hal ini, persepsi komuniti Melayu dan komuniti bukan Melayu terhadap penggunaan bahasa Inggeris bagi mata pelajaran sains dan matematik adalah berbeza. Komuniti Melayu memperjuangkan penggunaan bahasa Melayu dalam kedua-dua mata pelajaran tersebut kerana melindungi kedudukan bahasa berkenaan sebagai bahasa penduduk asal. Manakala untuk memartabatkan kedudukan bahasa ini, Dewan Bahasa dan Pustaka telah membina peristilahan sains dan matematik yang melibatkan kerjasama ahli bahasa dan pakar-pakar dalam pelbagai bidang ilmu. Malah kejayaan Universiti Kebangsaan Malaysia memperkenalkan pelbagai kursus dengan menggunakan bahasa kebangsaan membuktikan kejayaan besar Dasar Bahasa dan Pendidikan Kebangsaan⁴⁹.

Walau bagaimanapun bagi komuniti bukan Melayu seperti etnik Cina dan etnik India, penguasaan bahasa Inggeris bukanlah sesuatu yang baru kerana semenjak dari kemunculan British di Tanah Melayu, sekolah Inggeris majoritinya dibuka untuk komuniti berkenaan dan kemudiannya barulah diikuti oleh kelompok kelas atasan dan elit Melayu. Hakikatnya, sekolah Inggeris adalah disediakan untuk etnik bukan Melayu dan Melayu kelas atasan⁵⁰. Oleh itu, walaupun etnik Cina mempertikaikan penggunaan bahasa Inggeris dalam pembelajaran sains dan matematik, matlamatnya bukanlah untuk memelihara kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan tetapi untuk melindungi bahasa Cina. Isu ini sudah pun timbul di zaman awal kemerdekaan apabila saranan Syed Nasir untuk menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan disambut dingin oleh etnik Cina. Puncanya kerana mereka tetap berkeras mempertahankan bahasa Cina dan sistem pendidikannya. Mereka juga bukan setakat enggan menggunakan papan tanda berbahasa Melayu, tetapi tetap mengekalkan penggunaan papan tanda bertulisan Cina tanpa diterjemahkan. Ini terserlah melalui sikap setiausaha politik MCA, Tan Siew Sin yang

berterusan menggunakan papan tanda bertulisan Cina di pejabatnya sehingga terpaksa diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu⁵¹. Selain mengekalkan bahasa Cina, penggunaan bahasa Inggeris lebih diberi keutamaan berbanding dengan bahasa Melayu seperti dalam aspek komunikasi ataupun pengiklanan dan perkara ini berterusan sehingga kini. Misalnya untuk berinteraksi dengan komuniti Melayu sama ada di premis perniagaan, perbankan ataupun penampalan iklan tertentu di kedai-kedai, Lebuhraya Persekutuan ataupun jalan negeri, bahasa yang lazimnya digunakan adalah bahasa Cina ataupun bahasa Inggeris. Dengan wujudnya sikap dan tindakan sedemikian, secara tidak langsung kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan telah tergugat.

Kesimpulan

Dalam proses pembinaan negara-bangsa di Malaysia, penggunaan bahasa kebangsaan adalah penting untuk mengukuhkan perpaduan kaum bagi memupuk semangat patriotisme terhadap tanah air. Isu bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan bukan satu isu yang tersendiri tetapi mempunyai ikatan dengan pendidikan terutamanya penggunaan bahasa tersebut sebagai bahasa pengantar di sekolah⁵². Kegigihan dan kekentalan perjuangan *Dongjiaozong* untuk mempertahankan bahasa Cina menerusi sekolah vernakular Cina semenjak sebelum merdeka dan berterusan sehingga masa kini telah merumitkan usaha untuk memenuhi aspirasi nasional yang menjangkau tuntutan etnik Cina yang bersifat parokial. Justeru, dalam proses pembinaan negara-bangsa, kepentingan nasional yang kebiasaannya dirujuk kepada kepentingan penduduk asal yang bersifat majoriti adalah wajar mengatasi kepentingan komuniti etnik minoriti yang bersifat etnosentrik⁵³. Bagi mengharmonikan ikatan hubungan etnik, hal ini tidak sepatutnya dilihat oleh komuniti bukan Melayu yang pada asalnya adalah pendatang sebagai satu bentuk dominasi yang berbau penindasan. Ini kerana, dalam proses pembinaan negara-bangsa di negara ini, kerajaan sentiasa bertolak ansur melindungi kepentingan bahasa komuniti bukan Melayu dalam

sistem pendidikan kebangsaan sebagaimana yang terungkap dalam Perenggan 11 Laporan Razak.

“Kami percaya iaitu mustahak bagi sekolah-sekolah kita berjiwa Tanah Melayu dan kami telah mencadangkan perkara ini boleh dapat dicapai dengan jalan diadakan satu sukatan pelajaran yang sama bagi semua sekolah supaya semua murid-murid itu mempelajari sama jenis perkara pelajaran walaupun menggunakan lain-lain bahasa”.

Berdasarkan pengulasan di atas, tidak keterlaluan untuk menganggap salah satu cabaran utama pengukuhan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan ialah kerana kegigihan dan kekentalan perjuangan *Dongjiaozong* mempertahankan bahasa Cina menerusi sekolah vernakular Cina⁵⁴. Halangan ini juga terserlah dalam akhbar-akhbar Cina sebagaimana pandangan Prof Dr. Teo Kok Seong,

“Akhbar berbahasa Cina sama seperti akhbar vernakular lain yang lebih memberatkan isu mengenai kaum yang menjadi pembaca dan pelanggan akhbar berkenaan. Keadaan berkenaan menjadikan akhbar Cina lebih bersikap perkauman tambahan pula hanya orang yang memahami tulisan Cina yang membacanya. Mereka (akhbar Cina) seakan-akan bebas menulis apa saja yang mahu mereka tuntutan sehingga mengetepikan jati diri bangsa, nasional dan negara. Namun, menyedihkan sering kali akhbar arus perdana yang berbahasa Melayu atau Inggeris yang difahami majoriti rakyat Malaysia dilihat lebih bersikap perkauman apabila menerbitkan pandangan dan pendapat atau berita yang mengutamakan orang Melayu. Jika mereka (akhbar) lebih bertanggungjawab sepatutnya mereka berperanan menjadi medan mengukuhkan lagi jati diri bangsa Cina sebagai warga negara Malaysia, bukan semangat kecinaan semata-mata yang lebih cenderung berkiblatkan Hong Kong, China dan Taiwan. Pada pandangan saya, disebabkan masyarakat Cina tidak berasakan Melayu hebat maka sukar untuk mereka menerima aspek Kemelayuan untuk dipraktikkan termasuk bahasa kebangsaan, bahasa Melayu”⁵⁵.

NOTA HUJUNG

- ¹ Milner, Anthony C., 1982, *Kerajaan: Malay Political Culture on The Eve of Colonial Rule*. Tucson: Arizona: The University of Arizona Press, hlm. 2; Ismail Hussein, 1981. *Sejarah Pertumbuhan Bahasa Kebangsaan Kita*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka hlm. 1–6; Slamemuljana, 1964. *Asal Bahasa dan Bahasa Nusantara*, Jakarta: Pustaka Nasional Balai Pustaka, hlm. 28–29.
- ² Huntington, Samuel P., 2005. *Who Are We? The Challenges to America's National Identity*, New York: Simon and Schuster, hlm. 41. Lihat penerangan lanjut Huntington mengenai perbezaan di antara “peneroka” (*settlers*) dan “pendatang”. Peneroka merupakan kelompok yang meninggalkan masyarakatnya atas tujuan untuk membina komuniti baru. Manakala “pendatang” pula lebih menjurus proses penghijrahan secara berseorangan ataupun membawa keluarga dan mempunyai ikatan yang erat dengan tanah airnya. Menurut beliau lagi, sebelum kelompok imigran tiba di Amerika, golongan peneroka yang bertanggungjawab menemui dan membangunkan wilayah berkenaan. (Lihat di hlm. 39–41).
- ³ Edwards, J.R., 1985. *Language, Society and Identity*, Oxford: Basil Blackwell, hlm. 17; Fisahman, J.A., 1977. *Language and Ethnicity* dalam H. Giles (ed), *Language, Ethnicity and Intergroup Relations*, London Academic Press, hlm. 25.
- ⁴ Awang Sariyan, Selaut Cerita Sepersisir Irama Melayu Merdu Baru (Himpunan Bahasa Kiasan Baru), di dalam *Seminar Islam Hadhari Kefahaman Mengenai Keutuhan Budaya, Bahasa Kiasan, Korpus Melayu Islam dan Pembangunan Minda Baru Islam*, (19 Januari 2005), Anjuran bersama Kerajaan Negeri Melaka, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dan Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme, hlm. 2.
- ⁵ Sapir, Edward, 1931. Custom, di dalam *Encyclopaedia of The Social Sciences*, Vol. 4.
- ⁶ Kalthum Ibrahim, Kosa Kata Citra Melayu dalam Bahasa Kiasan, di dalam *Citra Melayu*, 26–28 Februari 2004, di Persidangan Antarabangsa Peradaban Melayu, Anjuran Institut Peradaban Melayu dan International Institute for Asian Studies, hlm.1.
- ⁷ Alias Sidek, 1999. *Penglibatan Dunia Melayu dalam Peribahasa*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- ⁸ Ismail Hussein, *ibid.*, hlm. 3.
- ⁹ Temubual dengan Prof. Datuk Dr. Zainal Kling pada 22 Februari 2006, Jam 3–5 pm di Jabatan Antropologi dan Sosiologi Universiti Malaya.
- ¹⁰ Zeus Salazar, Orang Melayu, Orang Malayan dan Tamadun Melayu: Suatu Konsep Budaya dan Antropologi di Filipina, di dalam *Tamadun Melayu* di selenggarakan oleh oleh Ismail Hussein, A.Aziz Deraman, Abdul Rahman al-Ahmadi, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 29–30.
- ¹¹ *Ibid.*, hlm. 35–40.
- ¹² Sutan Taqdir Alisjahbana, 1967. The Modernization of The Indonesia Malay Language in the 19th and 20th Century di dalam *The Modernization of Languages in Asia*, diedit oleh Sutan Taqdir Alisjahbana, Kuala Lumpur: The Malaysian Society of Asian Studies, hlm. 182. SEARCH.
- ¹³ Sarkisyanz, E., 1996. “Rizal The Malayan, The Republican Spain”, dalam *Jose Rizal and the Asian Renaissance*, Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar, hlm. 75–90.
- ¹⁴ Abdul Rahman Embong, 2000. *Negara-Bangsa: Proses dan Perbahasan*, Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi, hlm. 43–45.
- ¹⁵ *Kangcu* adalah dari bahasa Cina yang dirujuk sebagai “Tuan Sungai”. Melalui sistem ini, etnik Cina pendatang dibawa masuk untuk mengerjakan penanaman gambir dan lada hitam secara komersial di Tanah Melayu, terutamanya di Johor. Di sini etnik Cina diberikan “Surat Sungai” yang merupakan surat kebenaran untuk menetap dan mengusahakan pertanian di Johor.

Kawasan perladangan dikenali sebagai *kangar*, iaitu perkataan dari bahasa Cina yang merujuk kepada kawasan “kaki sungai”. Setiap *kangar* ini pula diketuai oleh seorang *kangcu* yang bertanggungjawab mentadbir, memerintah dan memungut cukai bagi kerajaan Johor.

- ¹⁶ Penghijrahan komuniti India ke Tanah Melayu adalah secara sistem buruh kontrak (1820–1910) dan sistem *Kangany* (1898–1938). Melalui sistem buruh kontrak, pemilik ladang akan membuat pesanan bagi buruh melalui seorang ejen di India. Ejen ini akan pergi ke kampung-kampung untuk mengumpulkan buruh India. Tambang pelayaran mereka dibiayai oleh majikan yang membuat pesanan. Setelah sampai di Tanah Melayu, mereka akan menandatangani kontrak untuk bekerja selama 5 tahun dengan gaji yang ditetapkan. Pekerja-pekerja ini biasanya dilayan dengan buruk. Manakala menerusi sistem *Kangany*, majikan yang ingin mendapat buruh dari India akan menghantar seorang Kangani dari ladangnya ke India untuk mendapatkan buruh dari kampung halaman *Kangany* itu. *Kangany* itu akan dibayar mengikut bilangan pekerja yang diambil dan dia sendiri pula dikehendaki membayar tambang dan perbelanjaan lain bagi buruh-buruh itu sehingga ketibaan mereka di ladang. Biasanya pekerja dilayan dengan baik.
- ¹⁷ Furnival, J.S., 1948. *Colonial Policy and Practice: A Comparative Study of Burma and Netherlands India*, New York University Press, hlm. viii. Menurut Furnivall, masyarakat majmuk ialah masyarakat yang mempunyai kepelbagaian komuniti yang tinggal bersama tetapi secara berasingan dalam satu unit politik. Mereka hanya berdampingan di antara satu sama lain tetapi jarang berinteraksi melainkan di pasar-pasar sahaja. Masing-masing membawa diri tanpa suatu perhubungan yang erat, namun kesemuanya bergerak dan bersatu di bawah satu pemerintahan kolonial. Situasi ini mempengaruhi bidang ekonomi di mana pembahagian buruh ditentukan mengikut kaum tertentu dan masing-masing mempunyai peranan yang berbeza.
- ¹⁸ Emerson, Rupert, 1970. *Malaysia: A Study in Direct and Indirect Rules*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press, hlm. 23–24.
- ¹⁹ *Ibid.* Di Singapura populasi etnik Melayu adalah seramai 71 177 dan etnik Cina 421 821. Manakala di Pulau Pinang etnik Melayu hanya berjumlah 118832 berbanding dengan etnik Cina yang seramai 176 518.
- ²⁰ Furnival, J.S., 1948. *Colonial Policy and Practice: A Comparative Study of Burma and Netherlands India*, hlm. 304.
- ²¹ Abu Bakar Nordin, 1994. “Sejarah Pendidikan Kebangsaan: Satu Analisis, dalam *Reformasi Pendidikan dalam Menghadapi Cabaran 2020*”. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise, hlm. 3.
- ²² Sanusi Osman, (10–12 Januari 1983). “Ikatan Etnik dan Kelas di Malaysia” dalam *Modernisasi dan Keperibadian Budaya Bangsa*, Persatuan Sains Sosial Malaysia, hlm. 10.
- ²³ Philip Loh Fook Seng, 1975. *Seeds of Separatism Educational Policy in Malaya 1874–1940*, Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- ²⁴ Lihat penerangan lanjut dalam Alis Puteh, 2006. *Language and Nation Building: A Study of The Language Policy in Malaysia*, Petaling Jaya: SIRD.
- ²⁵ Lihat penerangan lanjut dalam penulisan Tan Yao Sua, 2005. *Politik Dongjiaozong dalam Pendidikan Vernakular Cina di Semenanjung Malaysia (1960–1982)*, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia; Thock Ker Pong, 2005. *Ketuanan Politik Melayu: Pandangan Kaum Cina*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya; Sia Keng Yek, 2005. *SRJK (Cina) dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan, Dilema dan Kontroversi*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- ²⁶ Tan Yao Sua, 2005. *Politik Dongjiaozong dalam Pendidikan Vernakular Cina di Semenanjung Malaysia (1960–1982)*, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, hlm. 4.
- ²⁷ *Dongjiaozong* adalah nama singkatan yang mewakili gabungan dua persatuan utama etnik Cina, iaitu *United Chinese School Committee Association* (UCSCA atau *Dongzong*) dan *United Chinese School Teachers’ Association* (UCSTA atau *Jiaozong*) yang bertanggungjawab melindungi kepentingan sekolah vernakular Cina. *Dongzong* adalah badan induk yang mewakili Persekutuan Persatuan-persatuan Lembaga Pengurus (*Donglianhui*) yang ditubuhkan pada tahun 1954. *Jiaozong* pula mewakili guru-guru sekolah vernakular Cina yang ditubuhkan pada

-
- tahun 1951. *Dongjiaozong* bukanlah satu badan politik, tetapi ia merupakan kumpulan pendesak yang memantau dan menilai dasar dan polisi bahasa dan pendidikan kebangsaan agar tidak mengancam kedudukan bahasa dan pendidikan etnik Cina. Lihat penerangan lanjut dalam Tan Yao Sua, 2005. *Politik Dongjiaozong dalam Pendidikan Vernakular Cina di Semenanjung Malaysia (1960–1982)*, hlm. 27.
- 28 *Ibid.*, hlm. xi.
- 29 Lihat penerangan lanjut dalam Thock Ker Pong, 2005. *Ketuanan Politik Melayu: Pandangan Kaum Cina*, hlm. 44. Laporan Fenn-Wu lebih menjustifikasikan kewujudan sekolah vernakular Cina dengan mempertahankan dasar kepelbagaian bahasa dan budaya.
- 30 Kua Kia Soong, 1990. *A Protean Saga: The Chinese Schools in Malaysia*, Kuala Lumpur: The Resource and Resarch Centre, hlm. 69.
- 31 Thock Ker Pong, 2005. *Ketuanan Politik Melayu: Pandangan Kaum Cina*.
- 32 Tan Yao Sua, 2005. *Politik Dongjiaozong dalam Pendidikan Vernakular Cina di Semenanjung Malaysia (1960–1982)*, hlm. 11.
- 33 Peruntukannya ialah “Menteri pelajaran berkuasa untuk menukar mana-mana satu sekolah jenis kebangsaan kepada sekolah kebangsaan pada waktu yang difikirkan sesuai” (Malaya (1961), *Akta Pelajaran 1961*, Kuala Lumpur: Percetakan Negara, Perenggan 2, Artikel 21.
- 34 Tan Yao Sua, 2005. *Politik Dongjiaozong dalam Pendidikan Vernakular Cina di Semenanjung Malaysia (1960–1982)*, hlm. 4.
- 35 Sia Keng Yek, 1997. *Huatuan dan Perkembangan Politik Malaysia: Satu Kajian Tentang Asal-Usul dan Perkembangan Gagasan Sistem Dua Barisan 1969-1995*, hlm. 36–37.
- 36 Alis Puteh, 2006 *Language and Nation Building: A Study of The Language Policy in Malaysia*, hlm. 2.
- 37 Tan Yao Sua, 2005. *Politik Dongjiaozong dalam Pendidikan Vernakular Cina di Semenanjung Malaysia (1960–1982)*, hlm. 4-6.
- 38 *Ibid.*, hlm. 79.
- 39 Haris Md. Jadi, 1990. *Etnik Politik dan Pendidikan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. hlm. 107.
- 40 Alis Puteh, 2006. *Language and Nation Building: A Study of The Language Policy in Malaysia*, hlm. 3–5.
- 41 Deutsch, Karl, 1966. *Nationalism and Social Communication*, MIT Press, Cambridge, hlm. 45.
- 42 Alis Puteh, 2006. *Language and Nation Building: A Study of The Language Policy in Malaysia*, hlm. 30.
- 43 Apa yang dipertahankan oleh UMNO lebih bersesuaian dengan perubahan demografi masyarakat di Malaysia yang mencapai tahap majmuk. Manakala apa yang ditekankan oleh PAS, lebih melihat kepada nostalgia lama tanpa mengambil kira perubahan suasana di Tanah Melayu.
- 44 Ratnam, K. J, 1965. *Communalism and The Political Process In Malaysia*, University of Malaya Press: Kuala Lumpur, hlm. 141.
- 45 *The Straits Times*, (6 September 1965); Kuala Lumpur.
- 46 Karl Von Vory, 1975. *Democracy Without Concensus Communalism and Political Stability in Malaysia*, Princeton University Press: New Jersey, hlm. 200.
- 47 *The Straits Times*, (24 Mei 1965), Kuala Lumpur.

-
- 48 <http://bicarakapar2.wordpress.com/2008/10/10/tun-mahathir-sains-dan-matematik-dalam-bahasa-inggeris/>. Akses pada 25 Oktober 2009. Tun Mahathir, *Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris*.
- 49 www.prihatin.net. Akses pada 25 Oktober 2009. Hassan Ahmad, *Mansuhkan Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris*.
- 50 Abdul Rahim A.R., 2002. *Education and Nation Formation in Malaysia: A Structural Analysis*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya Press, hlm. 18.
- 51 *The Straits Times*, (18–20 oktober 1966), Kuala Lumpur.
- 52 Alis Puteh, 2006. *Language and Nation Building: A Study of The Language Policy in Malaysia*, hlm. 3–5.
- 53 Tan Yao Sua, 2005. *Politik Dongjiaozong dalam Pendidikan Vernakular Cina di Semenanjung Malaysia (1960–1982)*, hlm. xi.
- 54 *ibid.*
- 55 http://www.bharian.com.my/klikkhas/permatang_pasir/Artikel/Rencana/20090816081336/Article/. Akses pada 25 Oktober 2009. Rohaniza Idris, *Agenda Negara Perlu diutamakan Berbanding Perjuangan Bangsa dan Kehendak, Tuntutan Kaum*.